

**Perhimpunan Haram Boleh Sebabkan Malaysia Kehilangan Pelabur Berpotensi,
Kata Mukhriz
Bernama
5 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Demonstrasi jalanan dan perhimpunan haram boleh menyebabkan Malaysia kehilangan pelabur berpotensi, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Mahathir.

Katanya setiap kali berlakunya perhimpunan haram atau demonstrasi jalanan dan ia mendapat liputan meluas dari media antarabangsa, secara tidak langsung ia akan menjejaskan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang selama ini menikmati kestabilan politik.

"Apabila kita ke luar negara mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelaburan, kerap kali kita dimaklumkan bakal pelabur itu bahawa minat mereka terhadap Malaysia, pertamanya adalah kerana kestabilan politik."

"Itu kadang-kadang satu perkara yang kita ambil mudah, jadi kita tak perasan bahawa itu satu faktor penting bagi mereka membuat keputusan untuk melabur di sesuatu negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan "pasaran Pelancongan Islam Dunia 2012" di sini Khamis.

Beliau berkata demikian setelah di minta mengulas tentang perhimpunan haram Kempen "Bebaskan Anwar 901" pada Isnin ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638102>